

11 DEC 1999

KLIBOR-MINGGUAN

NIAGA HADAPAN TIGA BULAN KLIBOR DIJANGKA SEPI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Niaga hadapan tiga bulan KLIBOR di Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMDEX) mungkin sepi minggu depan, kata peniaga.

Sebahagian besar pelabur dijangka menjauhkan diri dari pasaran buat sementara waktu disebabkan kadar antara bank kini stabil di pasaran tunai.

Tanda aras wang tiga bulan KLIBOR di pasaran tunai masih tidak berubah pada 3.19 peratus sejak 2 Dis lalu.

Seorang peniaga berkata pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat mengenai barisan menteri Kabinet baru, terutamanya mengenai menteri kewangan adalah seperti diduga.

Peniaga itu berkata perlantikan semula Tun Daim Zainuddin sebagai menteri kewangan diterima baik oleh pasaran.

Sepanjang minggu ini, pasaran pada amnya agak sepi manakala jumlah dagangan adalah kecil memandangkan para pelabur menjauhkan diri dari pasaran.

Bagaimanapun, terdapat sebilangan pelabur yang melindungi nilai kedudukan mereka dalam kontrak-kontrak bulan ke depan yang meningkatkan harga-harga di pasaran.

Minggu ini, kontrak Dis 99, Jan 2000 dan Feb 2000 naik sedikit sebanyak satu asas mata kepada 96.80, 96.50 dan 96.42 masing-masing.

Mac 2000 meningkat lapan mata kepada 96.45 dan Jun 2000 menambah enam mata kepada 95.80.

Jumlah dagangan susut kepada 385 lot daripada 825 lot sebelumnya.

-- BERNAMA

MK MA